

# PM risau ancaman pihak sebar dakyah

**K**UANTAN "Kita tunggulah..." kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila diminta mengulas mengenai kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau mempunyai bukti berlaku perbuatan rasuah termasuk membabitkan bekas menteri yang pernah menganggotai Kabinetnya.

Perdana Menteri membenjawapan ringkas itu pada sidang media selepas melawat Empangan Chereif di Sungai Lembing dekat sini, petang semalam.

Turut hadir dalam lawatan itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu kelmarin selepas menyampaikan ucapan pada Siri Wacana Perdana Ke-5 anjura'n Yayasan Kepimpinan Perdana dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Putrajaya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau akan terus mengemukakan persoalan termasuk membangkitkan beberapa isu Jain pada masa akan datang.

Mengulas mengenai kenyataannya teguran boleh dibuat tetapi jangan menabur fitnah, Abdullah berkata, ia dibuat kerana terlalu banyak tohmahan dilemparkan kepada kerajaan dan kepemimpinannya.

"Saya keluarkan kenyataan ini kerana banyak sangat saya dengar dan banyak surat layang, ceramah di sana sini yang mengeluarkan pelbagai kenyataan dan sebagainya.

"Ini pada saya sebenarnya sesuatu yang akan membawa kesan negatif kepada usaha yang kita sedang jalankan pada waktu ini. Jadi yang pentingnya semua pihak beri perhatian pada kita dan jangan mudah terpesong." katanya.

Dalam ucapannya pada majlis



MESRA RAKYAT: Abdullah memegang muka Osman Hitam, 64, pada Perhimpunan Bersama Rakyat di Kuantan, semalam.

sambutan di Stadium Sukpa, Indera Mahkota pada pagi semalam, Abdullah berkata, Kerajaan sedia menerima sebarang teguran tetapi janganlah berunsur fitnah dan berhasad dengki.

Sementara itu, *Bernama* melaporkan, ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama pemimpin parti komponen BN di sini, malam tadi, Abdullah meminta semua parti kom-

ponen Barisan Nasional (BN) terus bersatu padu dalam menangani masalah dadah di kalangan belia.

"Dadah adalah penyakit anak muda dan satu bahaya besar kepada negara. Jika ia tidak ditangani, kelak terus menjadi ancaman kepada kestabilan masyarakat kita," katanya.

Adnan dalam ucapannya pula berkata, BN Pahang berikrar memperkukuhkan sokongan padu terhadap ke-

pemimpinan Perdana Menteri.

Beliau berkata, mulai sekarang sokongan akan diberikan di bahagian hadapan.

Katanya, ini bagi melindungi Perdana Menteri daripada serangan pihak tertentu yang mungkin tidak berniat baik terhadap kepimpinannya.

"Biar kita di hadapan supaya kalau pada apa-apa kita (penyokong) yang kena dulu," katanya.